Rabu, 25 Ogos 2021, 11:08am
Waktu Solat Kuala Lumpur : Zohor
1:18 PM
Cari kata kunci

# Nestlé lancar pemecut R&D di Singapura

BERNAMA




Nestlé kini memiliki 23 pemecut R&D di seluruh dunia.

Kuala Lumpur: Nestlé SA melancarkan inisiatif pemecut penyelidikan dan pembangunan (R&D) serantau baharu di Singapura yang menyediakan platform berkelas dunia untuk syarikat pemula niaga, penuntut warga kerjanya membangunkan dan menguji konsep baru dalam tempoh enam bulan.

Pelancaran itu bersempena ulang tahun ke-40 pusat R&D Nestlé di Singapura.

Ketua Pembangunan Produk dan Teknologi Global, Thomas Hauser berkata, peserta inisiatif itu akan memperoleh akses kepada kepakaran R&D, ruang kerja bersama serta peralatan pengeluaran berskala kecil dan sederhana Nestlé untuk memudahkan peningkatan skala produk yang pesat bagi pelancaran ujian dalam situasi pasaran sebenar.

ADVERTISING




Trending


'Bagi saya benda sudah lepas'


Sakit bukan boleh buat-buat - Nurul Zahid


Meninggal selepas bantu pengebumian jenazah Covid-19


Tumbuk jururawat sebelum cuba lari dari hospital


Mengaku salah melacur di hotel di Kuala Pilah [METROTV]

Mutakhir


Polis 'mandi' debu demi Op Bantu


Tiada kes bunuh diri di Kelantan: Izani




Beliau berkata pemecut R&D serantau di Singapura merupakan sebahagian daripada inisiatif pemecut R&D global Nestlé yang kali pertama dilancarkan di Nestlé Research yang terletak di Lausanne, Switzerland pada 2019 dan kini mempunyai 23 lokasi di seluruh dunia.

"Pusat R&D kami di Singapura mempunyai sejarah pembangunan produk inovatif yang panjang bagi Asia Tenggara, yang diinspirasikan daripada kepelbagaian budaya dan masakan tempatan yang berbeza.

"Usaha menaik taraf pusat ini dengan kemudahan canggih termasuk pemecut R&D baharu itu membuktikan komitmen jangka panjang kami terhadap rantau ini," katanya pada pelancaran pusat itu secara maya pada Isnin.

Beliau berkata pihaknya yakin langkah memperkukuh keupayaan pusat itu akan mempercepat lagi kadar inovasi luar biasa bagi produk berasaskan sains di seluruh peringkat kehidupan.

Ketika ditanya mengenai pelaburan keseluruhan bagi pusat itu, Hauser enggan mendedahkan jumlah pelaburan bagi setiap lokasi namun menjelaskan Nestlé telah melabur lebih 1.6 bilion franc Switzerland (kira-kira RM7.37 bilion) bagi semua pusat itu.

ADVERTISING




Sementara itu, Naib Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé bagi Asia, Oceania dan Afrika Sub-Sahara, Chris Johnson berkata, Asia Tenggara merupakan rantau paling penting bagi Nestle dalam lingkungan zon tersebut yang mewakili satu pertiga daripada jualan keseluruhannya.

Beliau berkata Asia Tenggara merupakan rantau yang dinamik dan menarik dengan begitu banyak peluang untuk pertumbuhan.

"Sebab itu kami amat menghargai rantau ini. Semua makanan bersifat



SKMM nafi sekat portal berita luar negara


Mangsa banjir di Perak kekal 241 orang



53 kes positif Covid-19, penduduk Pulau Perhentian dikenakan sekatan pergerakan


Enam wira selamatkan lapan sekeluarga ketika bencana kepala air Gunung Jerai

MyResipi


Resipi Ayam Perap Mayo Jilat Jari, Boleh Pilih Nak Goreng Atau Bakar


Cara Buat Puding Karamel Yang Sedap & Tak Berongga


Resipi Char Kuey Teow Penang Sedap & Mudah, Tak Cukup Sepinggan Dibuatnya!


Wanita Dedah Rahsia Jaga Periuk Usia 22 Tahun, Tapi Masih Berkilat Macam Baru!


Resipi Mac & Cheese Paling Mudah, Guna 4 Bahan Je!

OhBulan


Menyesal Dengan Kesilapan, Blogger Minta Maaf Fitnah Keluarga Sheila Rusly


'Rupanya Terlalu Singkat Masa Yang Kita Ada' – Syamel, Ernie Reda Kehilangan...


'Isu Berhijab Tak Perlu Diumumkan' – Farah Nabilah

tempatan. Jika mahu berjaya dalam perniagaan, anda perlu benar-benar memahami citarasa yang digemari warganya, makanan yang mereka mahu dihidangkan kepada keluarga selain trend makanan yang mereka ingin cuba.

"Justeru, penting untuk mempunyai pasukan R&D di Singapura, di sini nadi Asia Tenggara, pusat kecemerlangan yang memacu inovasi dan pembangunan produk di Asia untuk Asia," katanya.

Sebagai tanda ulang tahun pusat itu, Nestlé menaik taraf pusat berkenaan dengan melengkapkannya dengan makmal canggih, dapur eksperimen, ujian pengguna, bilik penilaian deria, ruang kerja terbuka serta hab penyelidikan asas Nestlé untuk membolehkan perubahan pantas sains penemuan kepada produk berkhasiat, cita rasa hebat untuk semua orang di seluruh peringkat kehidupan.

**Disiarkan pada: Ogos 24, 2021 @ 1:25pm**


Artikel Berkaitan



BISNES

Jualan Galderma meningkat 30%



BISNES

Grab cipta 400 kerja



BISNES

Scitech pilih Malaysia buka pusat R&D API



BISNES

Labur RM600j



**Disyorkan untuk anda** Iklan oleh



**Plastic Surgery in Singapore - Prices in 2021 Might Surprise...**

Plastic Surgery | Search Ads



**Obama's Mansion Amazes Everyone**

Mansion Global



**Petaling Jaya: Liquidation Of Unsold 2020 SUVs. Prices M...**

SUV Deals | Search Ads









[VIDEO] Respect! Artis Ini Sambut Hari Kemerdekaan Dengan Cara Yang Kreatif!



'Jangan Sampai Saya Ambil Tindakan' – Sheila Rusly, Suami Bengang Anak...

SirapLimau



Cara Halau Lipan Daripada Masuk Rumah & Bilik Air. Bahaya!



[VIDEO] Hasilkan Potret Siti Nurhaliza Pula Guna Rubik Cube, Dah 1 Juta...



Cara Buat 'Breakfast Dip' Untuk Sarapan Lebih Sihat, Anak-Anak Mesti Suka!




[VIDEO] Respect! Artis Ini Sambut Hari Kemerdekaan Dengan Cara Yang Kreatif!




Baru Lahir Pun Dah Cantik, Bayi Hidung Mancung Ini Jadi Kegilaan Ramai!



**Wanita yang berumur 52 tahun mampu kelihatan muda denga...**
Berita Kisah Asia



**How Much Do Funerals Cost In Singapore?**
Funeral Services | Search Ads



**Retirement Villages Near Petaling Jaya Might Have Seniors...**
Senior Living | Sponsored Listi...


© 2021 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd.
A part of Media Prima Group.

Hubungi Kami
Team myMetro
RSS Feed
Disclaimer
Notis Perlindungan Data Peribadi

Utama
Mutakhir
Global
Arena
Rap/Rapxtra
Bisnes
MetroTV

Akademia
#ITMetro
Ku Bela
Santai
P&P
Dekotaman
WM

Addin
Rencana
Sihat
Xpresi
Vroom
Galeri
Infografik